



Skim Cepat Kaya, Macau Scam dan Online Scam

Mohammad Noorizuddin Nooh

A. PENGENALAN

Saban hari perniagaan tumbuh seperti cendawan tumbuh. Faktor ini menyebabkan persaingan berlaku dengan lebih kompetitif. Dengan kerancakan pertumbuhan perniagaan, masyarakat mudah dikaburi dengan peluang untuk menambah pendapatan dengan melabur atau menjadi agen kepada perniagaan yang ada. Tanpa ilmu, masyarakat mudah percaya dan terperdaya dengan janji manis keutungan dalam masa yang singkat. Terdapat skim-skim perniagaan yang berasal dari dalam dan luar negara yang mencari peluang untuk memperdayakan mangsa dengan janji pulangan yang lumayan.

B. OBJEKTIF

Pada masa ini, terdapat banyak program skim cepat kaya menyelinap masuk ke dalam masyarakat. Keadaan ini bertambah teruk dengan hadirnya Pandemik COVID-19 di mana ramai yang telah hilang pekerjaan dan mula mencari sumber rezeki alternatif. Skim cepat kaya adalah istilah yang sering digunapakai untuk menggambarkan skim-skim yang menjanjikan pulangan pelaburan yang tinggi dengan sejumlah pelaburan yang kecil, kononnya tidak melanggar undang-undang dan tidak berisiko.

C. HASIL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini, peserta dapat:

- i. Mengelakkan daripada terjebak dalam aktiviti perniagaan yang tidak sihat.
- ii. Mengenali skim yang tergolong dalam skim cepat kaya.
- iii. Menjadi usahawan yang bijak dalam memilih jenis perniagaan/sumber modal
- iv. Mengenalpasti kaedah pemasaran patuh syariah
- v. Menjadi agen penyebar maklumat kepada masyarakat mengenai skim cepat kaya yang berleluasa di kalangan masyarakat.

D. KATA KUNCI

- Mengenalpasti skim cepat kaya
- Usahawan bijak

E. SASARAN PESERTA

- i. Terbuka kepada pelajar yang berminat menceburkan diri dalam perniagaan
- ii. Minimum 30 orang

F. TEMPOH MASA PERLAKSANAAN

Jumlah masa yang diperuntukkan adalah 2 jam (120 minit).

G. BAHAN-BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Komputer riba / telefon pintar
- ii. Nota kursus

H. KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

No.	Aktiviti	Kaedah pelaksanaan aktiviti	Masa
1.	Syarah	Ceramah	30 minit
2.	Perbincangan dalam kumpulan	5 org dlm 1 kumpulan	60 minit
3.	Sumbang saran dan soal jawab	Pembentangan daripada peserta dan soal jawab dengan penceramah dan kumpulan peserta yang lain.	30 minit
4.	Rumusan	Ulasan daripada hasil pembelajaran dan objektif kursus	5 minit

I. PERLAKSANAAN AKTIVITI

HURAIAN PERLAKSANAAN AKTIVITI

Aktiviti 1	i. Syarahan mengenai contoh-contoh skim penipuan melibat kerugian kewangan yang berleluasa di Malaysia.
	ii. Soal jawab mengenai skim cepat kaya dengan penceramah.
Aktiviti 2	i. Peserta diminta untuk berbincang secara sumbang saran dalam kumpulan.
	ii. Bahan aktiviti akan dibekalkan kepada peserta
Aktiviti 3	i. Wakil setiap kumpulan dikehendaki membentang kefahaman masing-masing mengenai skim cepat kaya dan impak kepada usahawan
	ii. Wakil kumpulan diminta untuk memberi maklum balas mengenai pembentangan daripada kumpulan pembentang.

J. PENILAIAN

PEMBAHAGIAN PENILAIAN

No.	Perkara	Pembahagian penilaian
1.	Displin dan pengurusan masa	20%
2.	Kerja berpasukan	10%
3.	Komunikasi/interaksi	10%
4.	Moral dan etika	30%
6.	Pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah	30%
Jumlah		100%

Profil



MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH, adalah pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, USIM Tjjarah Holdings Sdn Bhd. Bidang kepakaran dan minat penyelidikannya adalah penjenamaan, pemasaran, keusahawanan, etika dan model perniagaan. Selain daripada itu, beliau juga terlibat aktif dalam pelbagai program keusahawanan yang telah libatsama dengan universiti awam dan swasta, kolej komuniti, politeknik serta agensi kerajaan. Beliau juga aktif dengan program kemasyarakatan dan telah dilantik mulai Februari 2020 sebagai Ahli Pemegang Amanah Yayasan Genius Malaysia (dahulu dikenali sebagai Yayasan Permata). Selain itu beliau juga merupakan Presiden Pertubuhan Cakna untuk Insan Terbilang Malaysia (CUIT Malaysia). Beliau pernah bertugas sebagai Timbalan Pengarah di Pejabat Perdana Menteri dan juga merupakan manta Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (dahulu dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia) selama dua penggal.